Keluaran Dalam Negeri Kasar

KDNK meningkat sebanyak 5.3% pada S3 2024

Keluaran dalam negeri kasar,
Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan ekonomi menurun kepada 1.8% pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim

Keluaran dalam negeri kasar,
Perubahan suku tahun, % (terlaras secara bermusim)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Apakah faktor-faktor yang menyokong pertumbuhan pada S3 2024?

- Aktiviti pelaburan yang terus berkembang dengan kukuh
- Eksport barangan dan perbelanjaan pelancongan yang lebih tinggi
- Pengembangan dalam perbelanjaan isi rumah berikutan keadaan pasaran pekerja yang positif dan sokongan dasar

Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan pada S3 2024?

- Pengeluaran minyak dan gas yang lebih rendah berikutan aktviti penyenggaraan

Prestasi Ekonomi Malaysia

Permintaan domestik yang berterusan

Perubahan tahunan, %

Penggunaan Swasta

4.8%
(S2 2024: 6%)

Pengembangan disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif dan sokongan dasar

Pelaburan Swasta

15.5%
(S2 2024: 12%)

Perbelanjaan kukuh untuk struktur dan jentera & peralatan

Penggunaan Awam

4.9%
(S2 2024: 3.6%)

Perbelanjaan yang lebih tinggi oleh Kerajaan untuk emolumen serta bekalan dan perkhidmatan

Pelaburan Awam

14.4%
(S2 2024: 9.1%)

Perbelanjaan aset tetap oleh Kerajaan dan syarikat awam berkembang

Eksport Bersih

-8.8%
(S2 2024: 3.4%)

Eksport yang lebih tinggi diimbangi oleh import barangan perantaraan dan modal yang lebih kukuh

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan disokong oleh sektor perkhidmatan dan perkilangan

Perubahan tahunan, %

Perkhidmatan

5.2%
(S2 2024: 5.9%)

Pengembangan berterusan disokong oleh subsektor berkaitan pengguna

Perkilangan

5.6%
(S2 2024: 4.7%)

Pengeluaran yang lebih kukuh dalam kluster berorientasikan eksport (iaitu E&E dan petrokimia)

Pertanian

3.9%
(S2 2024: 7.3%)

Pertumbuhan yang lebih sederhana dalam pengeluaran minyak kelapa sawit manakala keluaran perikanan menguncup

Perlombongan

-3.9%
(S2 2024: 2.7%)

Penguncupan dalam pengeluaran minyak dan gas berikutan aktiviti penyenggaraan

Pembinaan

19.9%
(S2 2024: 17.3%)

Pertumbuhan yang teguh dalam subsektor bukan kediaman, kediaman dan pertukangan khas

Source: Jabatan Perangkaan Malaysia

Keadaan Pasaran Pekerja

Pasaran pekerja terus bertambah baik

- Kadar pengangguran terus menurun kepada 3.2% pada S3 2024 (S2 2024: 3.3%).
- Guna tenaga bertambah baik kepada 16.7 juta orang pada S3 2024 (S2 2024: 16.6 juta orang) berikutan permintaan terhadap pekerja yang berterusan.
- Bekalan tenaga kerja kekal menggalakkan berikutan kadar penyertaan tenaga kerja kekal pada paras tertinggi sebanyak 70.5% pada S3 2024 (S2 2024: 70.5%).

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar pengangguran lebih rendah

Kadar pengangguran, % daripada tenaga kerja



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan berterusan dalam upah sektor swasta

Upah nominal dan benar sektor swasta,
Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Upah nominal mengikut sektor,
Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Trend inflasi

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras kekal stabil pada suku ketiga

- Inflasi keseluruhan dan inflasi teras kekal stabil pada 1.9%.
- Inflasi yang lebih tinggi dicatatkan pada suku tersebut untuk diesel dan insurans kenderaan, tetapi diimbangi oleh penurunan inflasi makanan dan minuman.

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras,
Perubahan tahunan, %



Item Indeks Harga Pengguna (IHP) Terpilih

Diesel *(Wajaran: 0.2%)*	Insurans kenderaan *(Wajaran: 2.5%)*	Makanan dan minuman *(Wajaran: 29.8%)*
▲ 20.1% S2 2024: 5.3%	▲ 0.8% S2 2024: -0.1%	▼ 1.6% S2 2024: 1.9%

Nota: Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir daripada inflasi keseluruhan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Inflasi kurang meluas pada suku ketiga

- Bilangan item IHP yang mencatatkan kenaikan harga menurun pada suku ketiga, kembali berada di bawah purata jangka panjangnya.
- Yang penting, hal ini menunjukkan bahawa kesan limpahan daripada rasionalisasi subsidi diesel kepada harga IHP secara amnya terkawal setakat ini.

Item IHP yang mencatatkan kenaikan harga bulanan,
Bahagian, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Perkembangan Sektor Luaran

Eksport bertambah baik serta import lebih kukuh

Eksport Kasar **7.8%** S2 2024: 5.8%

Eksport perkilangan yang lebih tinggi dan pengembangan berterusan eksport komoditi.

Import Kasar **20.8%** S2 2024: 15%

Import modal yang kukuh berikutan aktiviti pelaburan dan peningkatan import perantaraan untuk menyokong pengeluaran, terutamanya eksport perkilangan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Lebihan akaun semasa berterusan dengan aliran keluar dalam akaun kewangan

Akaun Semasa
RM2.2 bilion; 0.4% daripada KDNK
(S2 2024: RM3 bilion; 0.6%)

Faktor pendorong utama
- Lebihan barangan berkurang sedikit apabila import perantaraan dan modal yang kukuh melebihi eksport.
- Defisit yang lebih besar dalam pendapatan utama dan sekunder.

Dimbangi sebahagiannya oleh
- Defisit perkhidmatan lebih kecil mencerminkan pendapatan perjalanan yang lebih tinggi berikutan peningkatan perbelanjaan pelancongan.

Akaun Kewangan
Aliran keluar bersih RM7.5 bilion
(S2 2024: Aliran masuk bersih RM17.1 bilion)

Faktor pendorong utama
- Aliran keluar bersih dalam pelaburan lain, disebabkan terutamanya oleh penempatan deposit di luar negara oleh pelabur pemastautin.
- Aliran keluar bersih dalam pelaburan langsung disebabkan oleh pelaburan langsung luar negeri yang lebih tinggi dalam keadaan aliran masuk FDI yang lebih besar.

Yang mengimbangi
- Aliran masuk bersih dalam pelaburan portfolio berikutan pemerolehan sekuriti hutang dalam negeri dan sekuriti ekuiti yang lebih tinggi oleh pelabur bukan pemastautin.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang luar negeri yang lebih rendah

RM1.26 trilion atau 66.3% daripada KDNK
(S2 2024: RM1.33 trilion atau 70.7% daripada KDNK)
- Kesan penilaian kadar pertukaran susulan penambahan nilai ringgit berbanding beberapa mata wang utama dan serantau.

Hutang luar negeri kekal terurus
% daripada jumlah hutang luar negeri

Matawang

Dalam denominasi ringgit: 34.4%
Tidak terjejas oleh turun naik kadar pertukaran ringgit
Dalam denominasi FCY: 65.6%
yang 61.7% daripadanya tertakluk pada keperluan kehematan dan pengawalseliaan BNM dan 17.9% disebabkan oleh pinjaman antara syarikat berkaitan.

Tempoh Matang

Jangka sederhana dan panjang: 59.1%
Risiko pelanjutan terhad.

Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Bersih **-RM38.6 bilion** (S2 2024: RM81 bilion)

Rizab Antarabangsa[1] **USD117.6 bilion** (S2 2024: RM113.8 bilion)
- **4.6 bulan[2]** import barangan dan perkhidmatan
- **0.9 kali** hutang luar negeri jangka pendek

[1] Pada 30 Oktober 2024.
[2] Paras ini mungkin berbeza daripada paras yang dinyatakan dalam siaran akhbar mengenai rizab antarabangsa yang diterbitkan pada 7 November 2024 kerana mencerminkan data terkini S3 2024 berhubung dengan import barangan dan perkhidmatan serta hutang luar negeri jangka pendek.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia